

NO. KAD PENGENALAN

						-			-				
--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--

NAMA TINGKATAN

1
2
2
5
1

MODUL PINTAS 2024**TINGKATAN 5****1225/1****PENDIDIKAN MORAL****Kertas 1**

2 jam 30 minit

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama, tingkatan anda pada ruang yang disediakan.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi **tiga** bahagian: **Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C**.
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A**, satu soalan daripada **Bahagian B**, dan semua soalan dalam **Bahagian C**.
Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan ini.
4. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.

Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
	5	10	
B	6	10	
	7	10	
C	8	20	
	9	20	
Jumlah			

Kertas peperiksaan ini mengandungi 31 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

1225/1**[Lihat halaman sebelah**

Bahagian A**[50 markah]****Jawab semua soalan.**

- 1 Keratan akhbar berikut adalah mengenai kes kecurian yang berlaku di sebuah kedai.

Anggota polis kongsi kes lelaki curi 2 buku roti kerana anak lapar di rumah buat ramai tersentuh hati

June 29, 2021 7:15 pm

Sumber: <http://www.google.com>

- (a) Tindakan seorang bapa mencuri untuk memberikan makanan kepada anaknya adalah tidak wajar. Berikan justifikasi anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan tindakan yang patut dikenakan ke atas bapa tersebut berdasarkan prinsip di bawah.

(i) Prinsip Keadilan:

.....
.....
.....
.....

(ii) Prinsip Keprihatinan:

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Selepas pandemik COVID-19, kadar kemiskinan dalam negara meningkat disebabkan kejatuhan ekonomi dunia. Ramai rakyat kehilangan sumber pendapatan sehingga ada antara mereka yang mengalami kemurungan, melakukan jenayah dan sebagainya untuk meneruskan hidup.

Bagi mengatasi masalah ini, huraikan tindakan yang boleh diambil oleh pelbagai pihak.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

- 2 Gambar di bawah menunjukkan perlakuan anak yang tidak mendengar nasihat ibu bapa.



Sumber: <http://www.google.com>

- (a) Ibu bapa yang terlalu menyayangi anak akan memenuhi segala kemahuan dan menyebelahi anak walaupun mereka berbuat salah. Ini akan melahirkan anak yang menjadi "tuan" kepada ibu bapanya.

Perbuatan ibu bapa tersebut adalah tidak wajar. Berikan alasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]


- (b) Hidup berkeluarga memerlukan seseorang itu mengamalkan integriti untuk membentuk keluarga bahagia.

Jelaskan **dua** amalan integriti yang perlu diamalkan dalam keluarga.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c)



Berdasarkan dua gaya keibubapaan di atas, gaya keibubaapaan yang manakah paling baik dijadikan sebagai contoh dalam mendidik anak-anak?

Jelaskan pilihan anda.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- 3 Maklumat berikut adalah mengenai tanggungjawab warganegara.

Tanggungjawab warganegara

Bertanggungjawab untuk membuat pengisytiharan harta dan membayar cukai.

Sumber: *Buku Teks Pendidikan Moral Tingkatan 4*

- (a) Namakan jenis-jenis cukai yang dikenakan terhadap rakyat oleh kerajaan.

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

- (b) Membayar cukai adalah tanggungjawab rakyat terhadap negara.

Nyatakan kepentingan rakyat menunaikan tanggungjawab tersebut.

[3 markah]

- (c) Sekiranya rakyat tidak menuaikan tanggungjawab membayar cukai, jelaskan kesan terhadap masyarakat dan negara.

[4 markah]

- 4 Maklumat berikut adalah mengenai program pertukaran pelajar ke luar negara.

John merupakan seorang pelajar jurusan kejuruteraan komputer dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Dengan pencapaian akademik yang cemerlang, beliau telah dipilih oleh pihak universiti untuk mengikuti program pertukaran pelajar selama dua tahun di Universiti Harvard, Amerika Syarikat. Ketika belajar di situ, beliau boleh menyesuaikan diri dengan perubahan di tempat baharu dan telah menunjukkan kecemerlangannya dengan memenangi anugerah pencapaian akademik yang dianugerahkan oleh pihak universiti. Walau bagaimanapun, beliau tidak bersikap sompong dan berhasrat membawa segala ilmu untuk dikongsikan dengan rakan-rakan apabila balik ke Malaysia nanti.

- (a) Berdasarkan pernyataan di atas, senaraikan ciri-ciri individu glokal yang ada pada John.

(i)

.....

(ii)

..... [2 markah]

- (b) Huraikan **dua** kepentingan menjadi individu glokal dalam kehidupan seharian.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

..... [4 markah]

- (c) Individu yang gagal mengamalkan sikap glokal akan memberi impak yang sangat besar terhadap diri dan juga negara.
Jelaskan impak tersebut.


[4 markah]

- 5 Gambar berikut merupakan contoh haiwan eksotik yang terdapat di Malaysia.



Tenggiling

Penyu



Sumber: <http://www.google.com>

- (a) Sesetengah masyarakat menjadikan haiwan eksotik sebagai makanan kegemaran. Apakah perasaan anda dengan tindakan ini? Mengapa?

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (b) Senaraikan usaha yang boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk membendung perbuatan memakan haiwan eksotik tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[3 markah]

- (c) Haiwan eksotik merupakan haiwan yang sukar ditemui dan jarang sekali dibela sebagai haiwan peliharaan di rumah.

Bincangkan kepentingan melindungi haiwan eksotik.

.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

Bahagian B

[10 markah]

Jawab mana-mana satu soalan daripada bahagian ini.

- 6 Berikut merupakan contoh aplikasi untuk perkhidmatan pembelian dan penghantaran makanan secara dalam talian.



Seiring dengan perkembangan teknologi internet, aplikasi penghantaran makanan menjadi semakin popular dalam kalangan masyarakat masa kini. Terdapat banyak restoran yang menawarkan perkhidmatan penghantaran makanan untuk memperoleh pendapatan tambahan dan memenuhi permintaan pengguna.

- (a) Senaraikan contoh perbelanjaan secara beretika semasa membuat pembelian secara dalam talian.
-
.....
.....
.....

[2 markah]

- (b) Huraikan kebaikan perkhidmatan pembelian dan penghantaran makanan secara dalam talian kepada masyarakat dan sektor pembuatan makanan di negara kita.

1225/1

[8 markah]

1225/1

[Lihat halaman sebelah

- 7 Keratan akhbar di bawah adalah mengenai salah satu program kerajaan untuk mengatasi masalah gelandangan di Malaysia.

Program selamatkan gelandangan Sibu jadi perintis

AKUN GIMAN

SIBU: Pelaksanaan program bersepadu menyelamat gelandangan di bandar ini menjadi projek rintis untuk menyelamat gelandangan yang bermasalah kesihatan mental mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) dan Indeks Pencapaian Utama (KPI) yang telah dibangunkan pada 23 Julai 2022 di Sibu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Keselamatan Komuniti, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, melalui SOP tersebut, Hospital Sibu akan membuat pertukaran gelandangan yang sudah stabil di wad akut psikiatri ke Tempat Transit Gelandangan (TTG) mengikut kemampuan kapasiti TTG Sibu.

"Sementara itu, gelandangan bermasalah mental yang baharu diselamatkan akan dihantar ke Hospital Sibu untuk diberi rawatan di wad akut mengikut kemampuan kapasiti wad akut sehingga stabil dan layak ke TTG Sibu," ujarnya pada pro-



PROGRAM BERSEPADU... Dato Sri Fatimah Abdullah pada program bersepadu menyelamat gelandangan di Sibu malam kelmarin.

gram bersepadu menyelamat gelandangan di TTG Sibu, malam semalam.

Menurutnya, projek rintis untuk menyelamat gelandangan melalui pendekatan pertukaran gelandangan di antara Hospital Sibu dan TTG Sibu adalah pendekatan sementara dan jangka pendek untuk mengurangkan kehadiran gelandangan ber-

masalah mental di tempat awam.

"Untuk makluman, TTG kita bukanlah satu Pusat Penjagaan Psikiatrik mengikut tafsiran dalam Akta Kesihatan Mental ataupun pusat penempatan mengikut Akta Orang Papa.

"Oleh itu, KPWK memohon agar Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia menubuhkan sebuah

Pusat Penjagaan Psikiatri di Sarawak dan melalui KPWK Malaysia membina sebuah Desa Bina Diri (DBD) yang baharu untuk Zon Utara Sarawak," jelasnya.

Katanya, pada 2020 seramai 237 profil gelandangan tetap direkodkan di Sarawak oleh MPS dan JKMS (194 lelaki dan 43 perempuan).

"Pada 2021 seramai 158 orang (148 Lelaki dan 10 perempuan). Daripada jumlah tersebut, 38 peratus daripada gelandangan dalam 2020 dan 2021 mempunyai isu atau masalah kesihatan mental," ujarnya lagi. Turut hadir ialah Pengarah Kebajikan Negeri Sarawak, Noriah Ahmad serta yang lain.

Sumber: <http://www.google.com>

- (a) Berikan punca peningkatan gelandangan di negara kita.

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah komuniti dapat membantu mengatasi masalah gelandangan? Jelaskan.

1225/1

[Lihat halaman sebelah

[8 markah]

1225/1

[Lihat halaman sebelah

Bahagian C

[40 markah]

Jawab semua soalan.

- 8 Pernyataan di bawah adalah mengenai kejayaan Malaysia dalam bidang sukan.

Kejayaan pasukan bola sepak negara iaitu Harimau Malaya menentang pasukan gergasi daripada Korea Selatan yang berkeputusan seri 3 - 3 dalam peringkat kumpulan Piala Asia 2023 menjadi kebanggaan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa. Semua orang bersatu padu menyokong pasukan negara dalam pertandingan tersebut.

Ini jelas menunjukkan bahawa sukan menjadi alat untuk memupuk perpaduan rakyat yang berbilang kaum di negara kita.

Sumber: <http://www.google.com>

- (a) Selain aktiviti sukan, nyatakan aktiviti lain yang boleh dijalankan untuk memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia.
[4 markah]
- (b) Bagaimanakah acara sukan dikatakan dapat memupuk perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia? Jelaskan jawapan anda berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari.
[8 markah]
- (c) Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang kaum. Banyak cabaran yang dihadapi dalam usaha memupuk perpaduan.
Huraikan cabaran tersebut.
[8 markah]

1225/1

[Lihat halaman sebelah

1225/1

1225/1

[Lihat halaman sebelah

1225/1

- 9 Keratan akhbar berikut adalah berkaitan hubungan baik Malaysia dengan Kanada.

Malaysia, Kanada perkukuh kerjasama pertanian, keterjaminan makanan

Februari 20, 2024 @ 6:47pm



Arthur (dua dari kanan) dan MacAulay (tiga dari kiri) pada pertemuan di Putrajaya.

PUTRAJAYA: Malaysia dan Kanada menyatakan komitmen untuk mengukuhkan kerjasama dalam sektor pertanian, perikanan dan ternakan, selain mengalukan kerjasama teknikal dalam bidang penyelidikan serta pembangunan pertanian.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataan berkata, perkara itu antara inti pati perbincangan Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Arthur Joseph Kurup dengan Menteri Pertanian Agrimakanan Kanada, Lawrence MacAulay hari ini yang turut menyentuh aspek kerjasama dua hala dalam bidang keterjaminan makanan.

Arthur turut mempelawa Kanada menyertai Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) yang dijadual berlangsung pada 11 hingga 22 September depan. – BERNAMA

- (a) Selain daripada sektor yang dinyatakan di atas, senaraikan **empat** sektor yang melibatkan kerjasama Malaysia dengan negara luar.
[4 markah]
- (b) Hubungan dua hala Malaysia dengan negara luar perlu dikekalkan demi menjaga kepentingan bersama.
Huraikan kepentingan mengekalkan hubungan baik antara Malaysia dengan negara luar.
[8 markah]
- (c) Sebagai seorang rakyat Malaysia, terangkan peranan anda dalam memastikan hubungan baik antara Malaysia dengan negara luar terus berkekalan. Jawapan anda hendaklah disokong dengan nilai-nilai universal yang dipelajari.
[8 markah]

1225/1

[Lihat halaman sebelah

1225/1

[Lihat halaman sebelah

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

1225/1